



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KETUA PENGARAH JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA (JMG)**

#### **TIADA KELULUSAN OPERASI PERLOMBONGAN DALAM KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)**

---

Laporan media pada 4 Februari 2022 telah memetik bantahan cadangan projek pembalakan dan perlombongan bijih timah di Hutan Simpan Kenderong, Gerik, Perak bertajuk “Kerajaan Perak perlu warta semula Hutan Simpan Kenderong di Gerik”. Selaras dengan laporan media tersebut, JMG menyambut baik kenyataan YAB Menteri Besar Perak pada 5 Februari 2022 bahawa “Kerajaan Negeri Perak tidak akan memberi kelulusan kepada projek pembalakan dan perlombongan bijih timah di kawasan Hutan Simpan Kenderong Mukim Kerunai Gerik sekiranya mendatangkan keburukan”.

JMG ingin menegaskan bahawa walaupun pengeluaran hak pajakan melombong terletak di bawah Pihak Berkuasa Negeri, tetapi kebenaran operasi perlombongan melalui skim pengendalian melombong (*Operational Mining Scheme – OMS*) adalah di bawah kawal selia JMG selaras dengan peruntukan Akta Pembangunan Mineral 1994. Dalam hal ini, JMG menetapkan tiada kelulusan OMS akan diberi bagi perlombongan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK), Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) atau kawasan rizab perlindungan.

Kelulusan OMS untuk kawasan-kawasan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada prinsip kemampunan dan kebertanggungjawaban yang merupakan komitmen JMG terhadap *Sustainable Development Goals* (SDGs). Bagi tujuan tersebut, sebarang cadangan projek perlombongan akan melalui penilaian kewangan dan teknikal dan hanya akan diluluskan sekiranya dapat menyediakan suatu tempat kerja yang selamat dan tidak membahayakan komuniti bersebelahan merangkumi flora dan fauna.

JMG akan terus memberikan sokongan dan bekerjasama penuh dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan pengusahahasilan sumber mineral negara dilaksanakan secara berhemah, mampan dan bertanggungjawab demi kesejahteraan rakyat dan generasi akan datang.

**Hisamuddin bin Termidi**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia**

Februari 2022